



YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA

SIARAN MEDIA

KPWKM TERIMA TAJAAN BIASISWA RM2.3 JUTA KUMPULAN SASAR KPWKM DAN RM100 RIBU BAGI PROGRAM KEMBARA PRIHATIN NEGARA

Putrajaya, 10 Februari – Menyedari permasalahan masyarakat yang terkesan akibat COVID-19, Universiti Limkokwing hari ini telah berbesar hati memberi sumbangan kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) yang berupa tajaan biasiswa penuh sebanyak RM2.3 juta kepada pelajar kumpulan sasaran KPWKM dan RM100 ribu bagi program Kembara Prihatin Negara (KPN).

Menurut Datuk Seri Rina, pendidikan memainkan peranan penting dalam membentuk generasi baharu yang berintelektual dan dapat memenuhi aspirasi Negara pada masa hadapan. Sumbangan biasiswa ini merupakan salah satu daripada inisiatif Kementerian dalam mewujudkan sebuah masyarakat yang lebih lestari dan Kementerian berharap agar biasiswa yang diterima oleh 30 pelajar ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya. Oleh itu, KPWKM menyambut baik hasrat Universiti Limkokwing bagi memberi biasiswa penuh kepada 30 orang pelajar kumpulan sasaran KPWKM yang akan mengikuti pengajian di Universiti Limkokwing.

Sumbangan bagi Program KPN pula akan digunakan bagi membantu dan menyantuni rakyat di akar umbi yang terkesan akibat pandemik COVID-19 dengan menyampaikan keperluan asas kepada golongan yang memerlukan. KPN yang telah dilaksanakan bermula pada 1 November 2020 merupakan inisiatif Kementerian bagi menyantuni rakyat yang terkesan susulan daripada pandemik COVID-19 disamping menyebar luas perkhidmatan dan inisiatif yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan dalam memenuhi keperluan dan ekspektasi rakyat. Selain itu, KPN juga bertujuan untuk meningkatkan kolaborasi strategik antara KPWKM, agensi di bawahnya bersama syarikat-syarikat, badan-badan Korporat serta komuniti setempat, tambah Datuk Seri Rina.

Sumbangan ini telah disampaikan oleh YM Dato' Raja Aznil Raja Hisham, Naib Presiden Kanan, Universiti Limkokwing kepada YB Datuk Seri Rina Binti Mohd Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat merangkap Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah, Yayasan Kebajikan Negara (YKN) di Bangunan KPWKM, Putrajaya hari ini. Hadir sama YB Dato' Hajah Siti Zailah Mohd Yusoff, Timbalan Menteri KPWKM, YBhg. Dato' Dania A. Wahab, Naib Presiden, Universiti Limkokwing, YBr. Dr. Hishamuddin Mohd Hashim, Timbalan Ketua Setiausaha Strategik KPWKM merangkap Ahli Lembaga Pemegang Amanah YKN, YBr. Encik Mohd Yusri Mohd Yusoff, Timbalan Ketua Setiausaha Operasi KPWKM, YBr. Puan Fatimah Zuraidah Salleh, Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) merangkap Ahli Lembaga Pemegang Amanah YKN, YBr. Puan Nordina Haron, Ketua Pegawai Eksekutif YKN dan Pengurusan Tertinggi KPWKM.

YKN sebagai yayasan yang menerima sumbangan daripada pelbagai pihak sentiasa membuka ruang dan mengalu-alukan sama ada syarikat korporat, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) atau orang perseorangan untuk bekerjasama dengan YKN dalam membantu golongan yang memerlukan. **Setiap sumbangan wang tunai akan diberikan resit pengecualian cukai di bawah Subseksyen 44 (6) Akta Cukai Pendapatan 1967.** Sumbangan boleh disalurkan melalui akaun bank seperti berikut:

Yayasan Kebajikan Negara Malaysia		
Nama Akaun		
Bank	Alliance Islamic Bank Berhad	Maybank Islamic Bank Berhad
Nombor Akaun	160140010004801	568621012284

Disediakan oleh:
Bahagian Dana dan Komunikasi Korporat
Yayasan Kebajikan Negara
Aras 8, No. 55, Persiaran Perdana,
Presint 4, 62100 Putrajaya.
03-8323 2437/2420